



PEKELILING AKADEMIK BILANGAN 3 TAHUN 2016

**POLISI PENGANUGERAHAN IJAZAH, DIPLOMA,
SIJIL DAN KEPUJIAN AKADEMIK LAIN SECARA
AEGROTAT DAN ANUMERTA**

Pejabat Pendaftar
11 April 2016

Disalinkan kepada:

Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat)
Penolong Naib Canselor (Pembangunan & Pengurusan Fasiliti)
Pegawai-Pegawai Kanan
YDP Majlis Perwakilan Pelajar

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UTeM.02.07/100-3/14 (5)

11 April 2016

PEKELILING AKADEMIK BIL. 3/2016

POLISI PENGANUGERAHAN IJAZAH, DIPLOMA, SIJIL DAN KEPUJIAN AKADEMIK LAIN SECARA AEGROTAT DAN ANUMERTA

1.0 TUJUAN

- 1.1 Pekeliling Akademik ini bertujuan untuk memaklumkan kepada staf dan pelajar Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) mengenai Polisi Penganugerahan Ijazah, Diploma, Sijil Dan Kepujian Akademik Lain secara *Aegrotat* dan Anumerta kepada pelajar Universiti Teknikal Malaysia Melaka yang tidak menamatkan pembelajaran kerana telah meninggal dunia atau telah hilang keupayaan secara kekal sewaktu pengajian.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Pada masa ini, syarat penganugerahan pemberian ijazah atau diploma Universiti tidak membenarkan penganugerahan pemberian tersebut kepada pelajar yang tidak menamatkan pengajian atau bergraduat kerana telah meninggal dunia atau hilang upaya secara kekal sewaktu pengajian.
- 2.2 Oleh yang demikian, Bahagian Pengurusan Akademik, Pejabat Pendaftar telah mencadangkan satu Polisi Penganugerahan Ijazah secara *Aegrotat* dan Anumerta untuk diterima pakai sebagai dasar dan rujukan untuk pemberian ijazah, diploma, sijil dan kepujian akademik lain kepada pelajar yang tidak menamatkan pembelajaran kerana telah meninggal dunia atau hilang upaya secara kekal sewaktu pengajian.

- 2.3 Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil.1/2016 pada 25 Januari 2016 atas perakuan Mesyuarat Senat Bil.12/2015 yang bersidang pada 23 Disember 2015 dan Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Senat (Hal Ehwal Akademik) Bil.11/2015 yang bersidang pada 2 Disember 2015 telah bersetuju meluluskan Polisi Penganugerahan Ijazah secara *Aegrotat* dan Anumerta kepada pelajar Universiti Teknikal Malaysia Melaka yang tidak menamatkan pembelajaran kerana telah meninggal dunia atau telah hilang keupayaan secara kekal sewaktu pengajian seperti di **LAMPIRAN A**. Carta alir proses yang berkaitan adalah seperti di **LAMPIRAN B**.

3.0 TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling Akademik ini berkuat kuasa mulai **Semester II Sesi 2015/2016 (22 Februari 2016)**.

Sekian, terima kasih.

“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”

Saya yang menurut perintah,



DATUK HASAN BIN SIRUN
Pendaftar

LAMPIRAN A

NAMA POLISI : Polisi Penganugerahan Ijazah, Diploma, Sijil Dan Kepujian Akademik Lain Secara *Aegrotat* dan Anumerta

KELULUSAN : JKTS Hal Ehwal Akademik 2hb Disember 2015
Senat 23hb Disember 2015
Lembaga Pengarah Universiti 25hb Januari 2016

TARIKH MULA : 22hb Februari 2016
BERKUATKUASA

REKOD PINDAAN : Pindaan 1 (Jika Ada)
JKTS Hal Ehwal Akademik : .. hb ...
Senat : .. hb ...
Lembaga Pengarah Universiti : .. hb ...

PEMILIK POLISI : Senat

PEMILIK PROSES : Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

PUNCA KUASA : Seksyen 4 (1) dibaca bersama Seksyen 4 (3) Perlembagaan Universiti Teknikal Malaysia Melaka [P.U.(A) 470]

PELAKSANA : Fakulti

RELEVAN : Pelajar
KEPADA

1.0 PENGENALAN

Senat Universiti memperakui suatu pengiktirafan boleh diberikan kepada mana-mana pelajar yang tidak menamatkan pembelajaran dan bergraduasi kerana telah meninggal dunia atau hilang keupayaan secara kekal sewaktu pengajian tertakluk kepada syarat-syarat yang dinyatakan di dalam Polisi ini. Pengiktirafan diberi berdasarkan usaha-usaha yang telah dilakukan oleh simati sewaktu hayatnya atau pelajar sewaktu sihat, untuk mengikuti pembelajaran dan penilaian yang ditetapkan. Bagi penganugerahan sebegini, Senat hendaklah berpuas hati akan prestasi akademik pelajar dan mengambilkira lain-lain faktor/ dokumen relevan yang mampu menunjukkan jika simati masih hidup atau pelajar masih sihat, mereka mampu meneruskan pengajian dan berpotensi bergraduasi. Kaedah pengiktirafan yang boleh dipertimbangkan oleh Senat ialah seperti berikut:-

- 1.1 Pengesahan memenuhi syarat penganugerahan dan penganugerahan ijazah, diploma, sijil dan kepujian akademik secara *aegrotat* kepada pelajar yang hilang keupayaan secara kekal semasa di dalam pengajian; atau
- 1.2 Pengesahan memenuhi syarat penganugerahan secara *aegrotat* dan penganugerahan ijazah, diploma, sijil dan kepujian akademik secara anumerta (*posthumous*) bagi pelajar yang meninggal dunia semasa di dalam pengajian.

2.0 SKOP

- 2.1 Polisi ini digunapakai bagi mana-mana pelajar yang meninggal dunia atau hilang keupayaan secara kekal sebelum menamatkan pengajian tetapi telah memenuhi sebahagian besar syarat penganugerahan. Kelayakan untuk memohon penganugerahan ijazah, diploma, sijil dan kepujian

akademik lain di bawah polisi ini adalah terhapus jika sebab kematian atau hilang keupayaan secara kekal adalah kerana pelanggaran undang-undang oleh simati atau pelajar.

- 2.2 Polisi ini tidak digunapakai di dalam keadaan pelajar meninggal dunia atau pelajar hilang keupayaan secara kekal **selepas** memenuhi syarat penganugerahan, tetapi ijazah, diploma, sijil dan kepujian akademik lain belum dianugerahkan. Di dalam kes ini, waris pelajar atau pelajar boleh dianugerahkan ijazah, diploma, sijil dan kepujian akademik lain sepertimana pelajar lazimnya di dalam Majlis Konvokesyen Universiti atau menerusi lain-lain kaedah berdasarkan permintaan yang munasabah daripada waris pelajar atau pelajar.

3.0 OBJEKTIF

- 3.1 Polisi ini menggariskan dasar penganugerahan sesuatu ijazah, diploma, sijil dan kepujian akademik lain secara *aegrotat* dan anumerta (*posthumous*).
- 3.2 Polisi ini digubal bagi membantu Senat Universiti menimbangkan penganugerahan sesuatu ijazah secara *aegrotat* dan anumerta (*posthumous*) kepada mana-mana pelajar yang ketika tarikh kematian atau tarikh hilang keupayaan kekal, masih berdaftar di bawah Universiti tanpa menjejaskan tandaaras ("*standard*") prestasi akademik tertentu yang ditetapkan.

4.0 DEFINISI

- 4.1. **aegrotat** bermaksud pemberian status lulus dan memenuhi syarat penganugerahan kepada mana-mana pelajar yang tidak menamatkan

pengajian kerana hilang keupayaan secara kekal atau telah meninggal dunia tertakluk kepada syarat-syarat di dalam polisi ini;

- 4.2. **anumerta** bermaksud penganugerahan sesuatu Ijazah, diploma, sijil dan kepujian akademik lain kepada seseorang pelajar selepas beliau meninggal dunia tertakluk kepada syarat-syarat di dalam polisi ini;
- 4.3. **Fakulti** bermaksud Pusat Tanggungjawab yang diberi tugas oleh Senat bagi menjalankan program akademik dan memperakukan penganugerahan Ijazah Sarjana Muda atau Diploma atau Sarjana atau Doktor Falsafah kepada pelajar;
- 4.4. **hilang keupayaan kekal** bermaksud pelajar kehilangan daya untuk meneruskan pengajian secara kekal dan berterusan walaupun dengan bantuan tertentu;
- 4.5. **Ijazah, diploma, sijil dan kepujian akademik lain** bermaksud kelayakan akademik yang dianugerahkan oleh Senat Universiti setelah pelajar memenuhi syarat penganugerahan sesuatu program/kursus pengajian;
- 4.6. **kredit** bermaksud jumlah jam yang diperlukan oleh seseorang pelajar untuk mencapai hasil pembelajaran kursus atau program yang meliputi interaksi dalam kelas, latihan praktikal dan makmal atau kerja lapangan serta pembelajaran sendiri dan persiapan untuk peperiksaan dan sebagainya;
- 4.7. **Kredit Lulus Kursus** bermaksud jumlah kredit minimum yang ditetapkan oleh Fakulti dan diluluskan oleh Senat untuk lulus sesuatu program dan kursus pengajian;

- 4.8. **pelajar** bermaksud semua pelajar yang berdaftar dengan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM);
- 4.9. **syarat penganugerahan** bermaksud syarat-syarat yang ditetapkan oleh Senat Universiti yang mesti dipenuhi sebelum pelajar boleh dianugerahkan Ijazah, diploma, sijil dan kepujian akademik lain di dalam Peraturan Akademik;
- 4.10. **Universiti** bermaksud Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) atau mana-mana pekerja Universiti atau mana-mana Pihak Berkuasa Universiti yang mempunyai kuasa menimbangkan sesuatu perkara;

5.0 Aspek-aspek Polisi

5.1 Kenyataan Polisi

- a. Setelah menimbangkan perakuan Fakulti, Senat Universiti boleh mengiktiraf pencapaian seseorang pelajar yang hilang keupayaan secara kekal dan tidak dapat meneruskan pengajian melalui pemberian status lulus dan memenuhi pengesahan syarat penganugerahan serta menganugerahkan ijazah, diploma, sijil dan kepujian akademik lain dengan catatan "*Aegrotat*" mengikut syarat-syarat yang dinyatakan di dalam Polisi ini.
- b. Bagi pelajar yang meninggal dunia sebelum menamatkan pengajian, Senat Universiti juga boleh, di atas perakuan Fakulti memberi status lulus dan memenuhi syarat penganugerahan dan seterusnya menganugerahkan Ijazah, diploma, sijil dan kepujian akademik lain dengan catatan Anumerta ("*posthumous*") mengikut syarat-syarat yang dinyatakan di dalam Polisi ini.

5.2 Kriteria Penganugerahan

- a) Bagi melayakkan simati atau pelajar dianugerahkan Ijazah, diploma, sijil dan kepujian akademik lain, Fakulti hendaklah memberikan perakuan dan Senat Universiti berpuas hati bahawa pelajar atau simati sebelum kematiannya atau pelajar sebelum tarikh hilang keupayaan kekal:-
- i. telah lulus sekurang-kurangnya **75%** daripada Kredit Lulus Kursus dan berada di tahun akhir pengajian yang diikuti untuk dianugerahkan Ijazah Sarjana Muda atau Diploma atau Sarjana secara Kerja Kursus; atau
 - ii. telah menyiapkan dan menyerahkan draf Tesis kepada Pusat Pengajian Siswazah untuk tujuan penilaian Tesis untuk dianugerahkan program Ijazah Sarjana atau Doktor Falsafah dan Kedokteran secara Penyelidikan atau Sarjana secara Mod Campuran; dan
 - iii. berstatus Kedudukan Baik (KB) pada semester terakhir sebelum kematian atau hilang keupayaan secara kekal.
- b) Permohonan yang tidak memenuhi kriteria di atas boleh dipertimbangkan untuk penganugerahan dengan kelulusan khas Senat.

5.3 Format Ijazah, Diploma, Sijil Dan Kepujian Akademik Lain

Format ijazah, diploma, sijil dan kepujian akademik lain yang diberikan adalah sama dengan format yang diberikan kepada pelajar-pelajar lain seperti biasa tetapi dengan catatan "Aegrotat" atau "Anumerta".

5.4 Status Ijazah, Diploma, Sijil Dan Kepujian Akademik Lain

5.4.1 Ijazah, diploma, sijil dan kepujian akademik lain adalah berdasarkan ihsan dan saguhati ("token") kepada waris pelajar atau pelajar. Oleh yang demikian, ia tidak sah digunakan untuk tujuan pekerjaan, melanjutkan pengajian dan sebagainya.

5.4.2 Transkrip akan dibekalkan dan mencatatkan rekod keputusan pengajian yang telah dilalui oleh simati atau pelajar sehingga tarikh kematian atau hilang keupayaan kekal.

6.0 PROSEDUR

- 6.1 Fakulti perlu menyemak sama ada pelajar atau simati layak untuk ditawarkan penganugerahan Ijazah, diploma, sijil dan kepujian akademik lain.
- 6.2 Fakulti mengemukakan permohonan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Senat Mengenai Peperiksaan/Keputusan Peperiksaan (bagi program Ijazah Sarjana Muda dan Diploma) atau Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Senat Pengajian Siswazah (bagi program Sarjana dan Doktor Falsafah) untuk perakuan. Bukti sijil kematian (bagi kes pelajar meninggal dunia) atau surat pengesahan Pegawai Perubatan Kerajaan yang mengesahkan pelajar hilang keupayaan secara kekal dan tidak akan mampu meneruskan pengajian perlu dilampirkan.
- 6.3 Jika diperakukan, Fakulti membentangkan kertas kerja kepada Senat Universiti untuk kelulusan penganugerahan.

6.4 Jika diluluskan oleh Senat, Universiti akan memaklumkan kepada keluarga simati atau pelajar dan menawarkan penganugerahan. Jika mereka bersetuju, persiapan penganugerahan perlu dilakukan mengikut kaedah penganugerahan yang dipersetujui bersama dengan keluarga simati atau pelajar berdasarkan perenggan 7.0 di bawah.

6.5 Mohon rujuk carta alir di **LAMPIRAN B**.

7.0 PENGANUGERAHAN

Penganugerahan boleh dilakukan di dalam Majlis Konvokesyen Universiti di mana waris simati atau pelajar boleh dibenarkan menerima Ijazah, diploma, sijil dan kepujian akademik lain di atas pentas atau di dalam suatu majlis atau perjumpaan tertutup atau diposkan jika sesuai dan mengikut permintaan yang munasabah daripada waris simati atau pelajar.

8.0 PIHAK YANG BERTANGGUNGJAWAB

8.1 Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) merupakan pemilik proses polisi ini. Pemilik proses bertanggungjawab terhadap pemakaian pelaksanaan dan pematuhan polisi di peringkat Pusat Tanggungjawab dan Fakulti.

8.2 Fakulti

Setiap Fakulti perlu mematuhi polisi yang telah diluluskan.

9.0 DOKUMEN-DOKUMEN YANG BERKAITAN

- 9.1 Peraturan Akademik dan Panduan Sistem Peraturan Akademik bagi Program Ijazah Sarjana Muda dan Diploma.
- 9.2 Peraturan Akademik Pascasiswazah.
- 9.3 Perlembagaan Universiti Teknikal Malaysia Melaka.P.U.(A) 470.

LAMPIRAN B

CARTA ALIR PENGANUGERAHAN IJAZAH, DIPLOMA, SIJIL DAN KEPUJIAN AKADEMIK LAIN SECARA AEGROTAT DAN ANUMERTA



